



KISAH BENAR
AKU TINGGALKAN
EMAK
DI BUMI
Anbiya'

*Dari ibu, Kepada ibu,
Untukmu IBU*

74

MIMI ZAINUDDIN





KISAH BENAR
AKU TINGGALKAN
EMAK
DI BUMI
Anbiya'

*Dari ibu, Kepada ibu,
Untukmu IBU*

POSTARA PERDANA



1014039

MIMI ZAINUDDIN



292120

24/11/2025
TDM
Gift

Aku Tinggalkan Emak Di Bumi Anbiya'

Cetakan Pertama Mei 2019
Cetakan Kedua Julai 2019
Cetakan Ketiga Oktober 2019

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam bentuk apa pun atau dengan peralatan apa jua pun melainkan mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

Mimi Zainuddin, 2019
Aku Tinggalkan Emak Di Bumi Anbiya'
ISBN 978-967-17173-0-1

Diterbitkan oleh: **ROZAIMI BINTI ZAINUDDIN**
26, Jalan Enggang,
Taman Datuk Keramat
54200 Kuala Lumpur, Selangor.

TELEFON : +6019-2190809

Hubungi: E-MEL : zmimiz58@gmail.com
FB : Mimi Zainuddin
INSTA : rozaimiz

JAMINAN KEPUASAN TERPELIHARA:

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan percetakan, sila hubungi penulis di zmimiz58@gmail.com untuk diganti dengan naskah yang lain.

"Tuhanmu telah memerintah supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa kamu. Jika salah seorang atau kedua-duanya sampai pada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kau katakan pada mereka perkataan 'Ah!' dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi ucapkanlah kepada mereka perkataan-perkataan yang mulia dan sopan santun."

(Al-Quranul Karim Surah Al-Isra'-23)

• Penerima Anugerah Dana Penulis 2020
Rozustakaan Negara Malaysia.

ISI KANDUNGAN

	Dedikasi	
	Prakata	
1	Menghargai Erti Kasih Sayang Selepas Merasai Kehilangannya	1
2	Aku Tinggalkan Emak Di Bumi Anbiya'	8
3	Aku Dan Emak	11
4	"Abah Tidak Ada Harta...."	19
5	Kusangka Panas Hinggga Ke Petang...	26
6	Qada' dan QadarNya	32
7	Musafir Di Riyadh	35
8	Nenek Tua Yang Murah Hati Mengejar Ilmu Al-Quran	40
9	Khatam Al-Quran Di Bumi Anbiya'	50
10	Durian Runtuh	54
11	Emak dan Emak Dungun	60
12	Yem Balik Dulu Emak..	66
13	Zil-Futih – Yang Memiliki Kemenangan-Kemenangan	69
14	Emak, Tunggu Ismail Sampai	75
15	Tidur Yang Mendamaikan	84
16	Sehelai Tudung Bawal Putih Bersulam	93

17	Anugerah Allah SWT Ada Di Bumi Madinah Juga	97
18	Langit Di Bumi Kelahirannya Menangis	99
19	Syurga Di Bawah Tapak Kaki Emak	104
20	Emak Sudah Ada Di Bumi Haram Makkah	107
21	Tinggallah Emak Di Bumi Anbiya'	109
	Doa Untuk Emak	112



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Mimi Zainuddin

For the one and only:

Ayahanda Tun M ♡

"Happy Reading Sir."



18/11/25

27 J'awad 1447.

*Al-Fatihah untuk Insan-Insan tersayang,
Ayahanda Bonda
Al-Marhum dan al-Marhumah :*

*Zainuddin bin Jantan
Rohana binti Buyong
Ngah bin Yunus
Kelethum binti Idris*

*"Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah
yang hendak kamu dustakan lagi...?"
(Al-Quranul Karim Surah Ar- Rahman)*





DEDIKASI

SEMPENA hari jadiku yang ke-60, aku ingin 'menghadiahkan' buku ini kepada semua ibu dan bakal-bakal ibu yang sentiasa bercita-cita dan menginginkan supaya, dapat mendidik dan memperolehi anak-anak yang soleh dan solehah.

Sebagai seorang ibu, aku kini mengerti akan apa yang dilalui oleh Emak yang telah mengandung, melahirkan dan menyusukan aku semasa aku kecil. Emak yang tak henti-henti tanpa rasa penat lelah menjaga, menyayangi, menegur dan mendidikku dari sejak aku lahir sehinggalah aku dewasa, dan dapat menjadi seorang insan yang baik. Syukur Alhamdulillah.

Emak seorang wanita yang hebat. Dia sanggup menempuh segala dugaan dan apa jua jenis rintangan demi menjaga zuriatnya. Dialah yang sentiasa dan selamanya akan tetap menyayangi anak-anaknya itu.

Sesungguhnya, hanya hati seorang ibu sahaja yang dapat merasai hati budi dan perasaan seorang ibu yang lain.

Di samping itu, aku juga ingin menghadiahkan buku ini kepada ANDA SEMUA yang sudah pastinya adalah seorang anak, kepada seorang insan keramat yang dipanggil ibu, emak atau *ummi*, yang telah membawa anda ke alam dunia ini.

Harapanku agar anda semua dapat mendalami hasrat hati dan penat jerih seorang ibu, dalam mengharungi hidup demi mendidik serta mendewasakan anak-anak kesayangannya.

Semoga anda semua yang masih ada ibu, sempat menghargai erti kasih sayangnya, sebelum anda merasai kehilangannya.

Pasti akan ada satu ketika, di mana anda akan merasai kerinduan terhadap belaian kasih sayangnya, terutama apabila dia sudah tidak ada di sisi anda lagi.

Akhir sekali, legasi yang diabadikan melalui pena ini, aku khaskan untuk Muhammad Naim Lutfi, Azalea Insyirah, Adni Quraisha dan Muhammad Adam Eusoff serta semua cucu-cucu dan cicitku yang akan datang. Doaku agar buku ini akan menjadi ibrah, teladan dan pedoman didalam hidup kalian semua nanti.

Yang paling penting, buku ini dapat dijadikan sebagai legasi turun-temurun supaya kalian boleh mengetahui asal keturunan datuk moyang, dan darah siapa yang masih mengalir di dalam tubuh kalian.

Semoga segala pahala dan amalan baik yang terbit daripada buku ini akan mengalir secara berterusan, kepada keempat-empat insan keramat kesayanganku iaitu, alMarhum dan alMarhumah Emak, Abah, Mak Dungun dan Ayah. Sesungguhnya kami juga akan menyusul tidak lama lagi.

Segala yang baik datangnya dari sisi Allah Subhanahu Wataala, manakala yang buruk adalah dari kelemahan diriku sendiri yang pasti perlu diperbaiki.

PRAKATA

PADA 16 September 2010 bersamaan Hari Malaysia yang ke-53, aku memilih untuk menjadi seorang yang 'merdeka' daripada perkhidmatan kerajaan dan bersara awal.

Aku berangan-angan hendak mengabadikan satu legasi untuk anak-anak cucuku tentang memori perjalanan suka duka, pahit manis kisah hidupku selama bergelar hamba Allah serta anak, isteri, Mama dan Tok Mi kepada mereka.

Ia bertujuan untuk dijadikan sebagai tauladan dan pedoman hidup untuk mereka dan sesiapa sahaja yang membacanya *Insyallah*.

Aku bertemu dengan *coach* Zamri Mohamad pada akhir tahun 2013. Di antara kata-kata semangatnya yang melekat di dalam benakku hingga ke saat ini adalah, "Tuan dan cik puan akan menyesal apabila umur sudah sampai 60 tahun dan tuan puan masih belum fikirkan apa-apa legasi untuk anak dan zuriat keturunan sendiri lagi."

Dengan kata-kata semangat itu, aku mula mengorak langkah pertama untuk menulis.

Di dalam kesibukan tugas harian, emakku, **Cikgu Rohana binti Buyong** tiba-tiba jatuh selepas berbuka puasa,

pada malam Jumaat, 2 April 2015. Akibatnya emak jadi lumpuh sebelah kiri.

Walaupun masih lumpuh, emak telah mengambil keputusan untuk pergi ke Makkah bagi menunaikan umrah pada 23 Disember 2016. Emak hendak singgah terlebih dahulu di Riyadh untuk menziarah Yem, anak bongsunya di sana.

Walaubagaimanapun, di Riyadh, emak jatuh sakit dan terpaksa dimasukkan ke dalam hospital. Aku telah pergi ke Riyadh untuk menjaganya.

Genap dua minggu setelah aku menjaganya, mak kandung kesayanganku itu telah menghembuskan nafasnya yang terakhir dan pulang ke rahmat Allah SWT.

Sekembalinya aku ke Malaysia sesudah itu, aku telah mengambil keputusan untuk mendakwat hitamkan kisah emak, ke dalam sebuah buku.

Ini kerana, masih ramai lagi orang yang ingin tahu bagaimana emak pergi ke Rahmatullah, beribu-ribu batu dari tanah airnya ketika itu.

Kebetulan umurku pula masa itu, sudah hampir mencecah 60 tahun.

Kehilangan emak tersayang yang sedang bermusafir di bumi anbiya' Riyadh, telah mencetuskan azam yang kuat dalam diriku untuk mengabadikan kisahnya sebagai satu legasi turun temurun, sebelum aku terlupa atau aku pula pergi menyusuli mereka .

Dengan terhasilnya buku ini, aku ingin menzahirkan *Jazakumullah khair* kepada semua yang telah menyumbang di dalam penerbitannya.

Yang banyak tidak dapat disenaraikan manakala yang sedikit, tidak tersebut nama.

Bagi pihak alMarhumah emak, Hajah Rohana binti Buyong, aku ingin mengucapkan *Jazakumullah khairan kathira* kepada semua para asatizah yang telah mengajar emak ilmu, daripada dia rabun huruf, sehinggalah dia dapat khatam al-Quranul Karim bersanad dengan Rasullulah SAW. Syukur Alhamdulillah.

Aku hanya mampu menyerahkan balasan pahala kalian semua kepada DIA Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih, Allah Subhanahu Wataala.

Ucapan jutaan terima kasih juga, aku tujukan kepada adinda, Yang Berbahagia, Ustazah Dato' Dr. Norhafizah Musa yang telah sudi memberi semangat dan kata-kata perangsang di dalam buku ini.

Akhir sekali, salam kasih sayang yang tak terhingga ditujukan untuk suamiku tercinta, Dato' Ismail bin Ngah serta anak-anak tersayang, Aimi Izyana, Muhammad Zaim, Aimi Huda, Muhammad Zaid dan Aimi Husna kerana telah mendorongku dengan sabar tanpa jemu, untuk menyiapkan buku ini sehingga ia dapat diterbitkan. Syukur *Alhamdulillah*. Mama sayang kalian semua.

Inilah buku tentang emak. **la dari seorang ibu, kepada ibu dan utukmu IBU.**

USTAZAH DATO. DR
NORHAFIZAH MUSA
PENDAKWAH DAN PENDIDIK

Yang Ustazah paling terkesan adalah nasihat dan pengajaran alMarhumah Cikgu Rohana mirip dengan pesanan yang ditinggalkan Allahyarhamah Hajjah Rohana, ibu kepada Ustaz Abdul Somad dari Indonesia. Kedua mereka menekankan kepada kepentingan mencari ilmu, bersedekah, beramal ibadah, menjaga silaturrahim dan berdakwah kepada anak-anak melalui penceritaan.

Yang menakjubkan lagi adalah kedua-dua insan keramat ini mempunyai nama dan hari kematian yang sama. Semoga Allah SWT merahmati roh mereka.

ZAMRI MOHAMAD
COACH DAN PENULIS

Kisah benar yang memiliki kreativiti tersendiri dalam mempersembahkan memori. Aliran penyampaian yang cantik.

SINOPSIS

Menceritakan kisah hidup dan bagaimana seorang anak yang keseorangan, berhadapan situasi menghadap kedua ibu dan ibu mentuanya, melalui saat sakaratulmaut.

Emak yang lumpuh meninggal dunia di Riyadh, dalam perjalanan untuk menunaikan umrah di Makkah.

Mak Mentua meninggal dunia dua belas tahun sebelum itu, di Kuala Terengganu.

Emak dan Mak Dungun adalah sahabat karib. Persahabatan erat mereka dibuktikan melalui sehelai tudung bawal putih bersulam, yang telah diikat mati oleh anaknya apabila mereka berdua meninggal dunia.

Ikutilah kisah selanjutnya. Di bumi Anbiya' manakah emak Penulis berada sekarang?

SEMENANJUNG RM 22
SABAH & SARAWAK RM 25

ISBN 978-967-17173-0-1



9 789671 717301